

# Orang Melayu perlu fikiran lebih kreatif

**BATU PAHAT** — Orang Melayu di Parit Raja disaran supaya melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan dan lebih kreatif supaya dapat merebut peluang yang wujud berikutnya pembangunan pesat di kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Raja, Datuk Aziz Kaprawi berkata, apabila mereka melengkapkan diri dengan teknik yang seiring dengan kemajuan, persediaan untuk menghadapinya sudah ada dan peluang itu tidak akan dinikmati oleh orang luar.

Katanya, peluang terbabit mempunyai banyak manfaatnya dan penduduk tempatan seharusnya mengambil inisiatif dengan kadar yang paling maksimum supaya dapat menikmati manfaat itu.

“Sebagai contoh berkaitan dengan pembangunan, kewujudan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), telah banyak membuka mata pelabur luar, termasuklah pembukaan restoran makanan segera dengan perkhidmatan pandu lalu.

“Begin juga dengan pem-



Aziz Kaprawi (tiga,kanan) melihat Mohamad Aziz menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam program berkenaan.

bangunan di kawasan bandar Metropolis Pura Kencana yang diusahakan oleh Kumpulan Genting, peluang yang ada perlu direbut oleh penduduk tempatan, jangan hanya melihat sahaja pembangunan berkenaan.

“Selain merebut peluang perniagaan yang terhidang di depan mata, mereka juga perlu bersedia dengan perkembangan yang pesat ini,” katanya ke-

pada *Sinar Harian* dalam Program Lestarikan Rakyat, di Kampung Parit Jelutong, semalam.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamed Aziz.

Menurut Aziz lagi, pemikiran mengenai konsep perniagaan yang dilaksana secara moden dan kreatif amat diperlukan untuk bersaing kerana

kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti pinjaman dan sebagainya.

Katanya, kerajaan akan sentiasa membantu rakyat kerana mereka telah berjanji seperti yang diwar-warkan oleh Perdana Menteri, dalam Jelajah Janji Ditepati, di Batu Pahat, baru-baru ini.

“Kita perlu menggunakan apa yang terhidang di depan mata seperti pinjaman untuk

“Selain merebut peluang perniagaan yang terhidang di depan mata, mereka juga perlu bersedia dengan perkembangan yang pesat ini.”

Aziz

merealisasikan perkhidmatan perniagaan yang terbaik seperti kita tengok pasaraya yang dimiliki oleh orang luar contohnya Carrefour dengan pasar biasa, banyak perbezaannya, seperti lantai licin dan sebagainya.

“Cuba kita lihat dan bandingkan orang ramai, pergi ke Carrefour dan pasar biasa, cara berpakaian pun sudah kita nampak, sedangkan apa yang hendak kita beli ayam, ikan, daging dan sayuran.

“Kita akan berpakaian lebih cantik berbanding dengan pasar biasa kerana perkhidmatannya lebih selesa dan tersusun berbanding pasar biasa,” katanya.

Menurutnya, tidak wajar menjadikan alasan tinggal di kawasan kampung dengan sentiasa merendah diri sehingga takut atau segan un-

tuk bersaing dalam bidang perniagaan

Katanya, industri kampung juga boleh diketengahkan untuk dipasarkan cuma perlu ada ilmu yang baik dan perlu diberi nilai tambah seperti aspek pembungkusan atau pelabelan yang lebih menarik selain tidak berkompromi dalam soal kualiti.

“Saya yakin, industri kampung sudah mempunyai tempat untuk dipasarkan di pusat beli-belah, cuma segala peraturan yang telah ditetapkan perlu dipatuhi pengusaha dan mempersembahkannya dengan lebih kreatif supaya mempunyai tarikan yang tersendiri,” katanya.

**Hebahkan** aktiviti komuniti anda **hubungi Sinar Harian**